

29/01/1999

Pemberian tender wajar dikaji semula

IPOH, Khamis - Kerajaan perlu mengkaji semula kaedah pemberian tender projek penswastaaan lebuhraya dengan melaksanakan sistem tender terbuka bagi menjamin projek yang dirancang bersifat kos efektif.

Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Chang Ko Youn, berkata sudah tiba masa kerajaan melaksanakan sistem seumpama itu yang banyak diamalkan dalam melaksanakan projek kecil oleh jabatan kerajaan.

Menurutnya, kaedah sekarang ternyata tidak bersifat kos efektif kerana kerajaan yang memilih syarikat tertentu untuk melaksanakan projek lebuhraya tidak mempunyai pilihan terhadap cadangan syarikat berkenaan.

Katanya, kini, kerajaan memberi tender membina lebuhraya kepada syarikat tertentu melalui perundingan dan syarikat itu akan mengemukakan cadangan dan syarat mereka berhubung projek, sebelum berbincang mengenai kos dan cara pelaksanaan selepas mendapat persetujuan kerajaan.

"Bagaimanapun, cara berkenaan ada kelemahan kerana syarikat lain tidak berpeluang memberi cadangan yang mungkin lebih bersifat kos efektif kerana sistem tender itu bersifat monopoli dan tiada elemen persaingan.

"Cara yang diamalkan kini tidak baik dan Pemuda Gerakan berasa kerajaan perlu mengkaji semula proses pemberian tender pembinaan lebuhraya dengan melaksanakan sistem tender terbuka.

"Melaluinya, pelbagai syarikat boleh membuat cadangan dan pemberian kontrak hanya diberi kepada syarikat yang didapati mampu melaksanakan projek berkenaan dengan kos efektif," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas isu kenaikan tol yang mendapat bantahan pelbagai pihak kebelakangan ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penurunan kadar tol Lebuhraya Utara Selatan (NSE) dikurangkan 0.66 sen, manakala tol Lebuhraya Damansara-Puchong diturunkan 50 sen menjadi RM1.

Chang yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perbandaran dan Kerajaan Tempatan negeri berkata, antara masalah yang dihadapi dalam penggunaan sistem pemberian tender kini adalah kos projek tidak terlalu ketat dikawal.

Menurutnya, syarikat yang diberi tanggungjawab tidak terlalu menghiraukan kos yang dikenakan subkontraktor dilantik termasuk untuk tujuan penyelenggaraan lebuhraya.

"Disebabkan tiadanya elemen persaingan, syarikat yang diberi tanggungjawab membina dan mengurus lebuhraya tidak terlalu mengambil kira mengenai piawaian pengurusan dan langkah menjimatkan kos.

"Mereka juga kurang memberi tumpuan atau membuat kajian terperinci sama ada kos yang dikeluarkan, terutama oleh subkontraktor berpatutan atau sebaliknya," katanya.

(END)